



PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	22/4/2011

Kita perlu elak 'negara gagal': PM

Kerajaan pastikan ekonomi, dasar kewangan diurus tadbir dengan baik

Oleh Magendran Rajagopal
magendran@bharian.com.my

PUTRAJAYA: Datuk Seri Najib Razak menegaskan status sesebuah negara itu bukan jaminan untuk mereka kekal berjaya jika tidak mampu menguruskan ekonomi dan dasar kewangan dengan baik.

Perdana Menteri berkata, status maju juga bukan jaminan sesebuah negara itu tidak boleh menjadi 'failed state' atau negara yang boleh dikatakan gagal dari segi tadbir urus, sekali gus tergolong dalam kategori negara yang gagal.

"Apabila sesebuah negara tergolong dalam kategori sedemikian, negara terbabit akan kehilangan maruah kerana terpaksa menagih bantuan kewangan daripada institusi kewangan antarabangsa atau serantau.

"Ini seterusnya akan mengakibatkan ketetapan tertentu dari segi dasar domestik yang akan membawa kepada beban yang berat

kepada ekonomi rakyat dan negara terbabit.

"Akibatnya, timbul kegelisahan di kalangan rakyat negara terbabit apabila terpaksa terikat dengan syarat yang dikenakan oleh badan antarabangsa," katanya yang juga Menteri Kewangan, pada Perhimpunan Khas Kementerian Kewangan, di sini, semalam.

Beliau memberi contoh negara seperti Greece, Ireland, Sepanyol dan kini Portugal, yang menghadapi keadaan amat rumit untuk ditangani. Akibatnya, timbul kegelisahan di kalangan rakyat negara terbabit apabila langkah berjimat cermat terpaksa dikenakan oleh badan antarabangsa dan serantau.

Najib berkata, bagi memastikan Malaysia tidak menghadapi masalah itu, kerajaan menentukan pelan hala tuju dan landasan yang cukup jelas berpandu kepada falsafah induk berpaksikan konsep Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan.

"Pelbagai dasar, program



NAJIB melancarkan kempen Amalan Senyum Perbendaharaan selepas menyampaikan ucapan pada Perhimpunan Khas Kementerian Kewangan, di Putrajaya, semalam.

dan projek, antaranya Program Transformasi Kerajaan (GTP), enam Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA), 12 Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) dan Program Transformasi Ekonomi (ETP), dirangka supaya Malaysia dapat mencapai wawasan menjadi negara maju berpendapatan tinggi menjelang 2020," katanya.

Najib berkata, kerajaan sudah lama memperjuangkan apa yang dirasakan amat penting untuk menjaga dan memelihara kepentingan rakyat serta maruah negara dan inilah instrumen dasar

program kesejahteraan rakyat yang akan dilaksanakan oleh kerajaan dalam tempoh 10 tahun akan datang.

"Bagi kita (Kementerian Kewangan) yang menjaga khazanah negara, apa yang perlu kita lakukan ialah memastikan semua projek kita berjalan lancar, maka matlamat induk untuk menjana pertumbuhan ekonomi negara pada tahap yang boleh dikatakan tinggi juga iaitu pada tahap tidak kurang enam peratus setiap tahun.

"Jika tahun lalu kita mencapai pertumbuhan ekonomi 7.2 peratus, bagi tahun ini

dan seterusnya kita harus memastikan pertumbuhan tidak kurang enam peratus. Satu lagi cabaran kita ialah menjaga kadar inflasi negara supaya dapat dikawal pada tahap serendah mungkin bagi mengelak rakyat menanggung kesusahan dan beban hidup lebih berat," katanya.

Pada majlis sama Perdana Menteri turut mengumumkan penganugerahan persijilan MS ISO 9001:2008 oleh Sirim kepada Perbendaharaan Malaysia serta melancarkan kempen 'Amalan Senyum Perbendaharaan'.